

18/04/2001

Sistem pendidikan perlu dikemas kini

KUALA LUMPUR, Selasa - Sistem pendidikan negara ini perlu dikemas kini sejajar perubahan zaman serta bertepatan dengan hasrat membentuk pelajar yang memiliki jati diri tinggi.

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional, Prof Madya Mohamad Ali Hasan, berkata sistem pendidikan negara ini menekankan aspek pendidikan dan bukan pelajaran yang menjurus kepada kelahiran pelajar yang mementingkan diri sendiri.

"Apabila pelajar disogokkan untuk belajar, mereka hanya belajar untuk lulus peperiksaan dan keadaan ini menyebabkan mereka tidak mampu menyalurkan ilmu itu untuk manfaat masyarakat.

"Mereka belajar tetapi tidak menghayati apa yang dipelajari dan secara tidak langsung mensia-siakan apa yang diperolehi," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sistem pendidikan negara mempunyai masalah yang perlu diperbetulkan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneliti dan memperbetulkan kelemahan berkenaan berikutan ramai yang tidak faham mengenai agenda serta matlamat sistem pendidikan.

Mohd Ali berkata, setiap perubahan perlu dibincangkan oleh individu yang arif dalam dunia pendidikan serta dilakukan secara serius dan bukan sekadar di atas kertas saja.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), Tengku Habsah Tengku Petra bersetuju dengan saranan Perdana Menteri kerana sistem pendidikan berubah mengikut masa.

"Sebarang perubahan dalam sistem pendidikan perlu dirancang dan bukannya dibuat secara mengejut. Sepatutnya gurulah orang pertama yang perlu diberitahu. Contohnya subjek Kemahiran Hidup yang ingin diperkenalkan kepada pelajar sekolah menengah.

"Ia tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa sebaliknya perlu dimaklumkan kepada guru kerana mereka adalah orang yang bertanggungjawab mengajar. Tindakan secara tidak dirancang hanya akan mengundang kegagalan," katanya.

Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda Umno, Dr Adham Baba pula berkata, Sekolah kebangsaan perlu diperkasakan dari segi disiplin dan keagamaan supaya tidak dituduh gagal menghasilkan pelajar berkualiti.

Beliau berkata, masalah itu timbul berikutan maklumat yang sering disampaikan tidak sampai kepada golongan sasaran.

"Bahagian pendidikan sepatutnya lebih peka dan perlu menggandakan usaha menyampaikan maklumat kepada golongan sasaran untuk mendapatkan maklumat menyeluruh," katanya.

(END)